

KHAMIS, 29 OKTOBER, 1981

## Semangat Muharram

HARI ini kita melangkah semakin jauh ke dalam abad 15 Hijrah. Harapan yang meninggikan semangat umat Islam ketika menyambut ketibaan abad ini setahun lepas ialah bahawa zaman kegemilangan Islam dapat dikembalikan semula dalam tempoh seratus tahun dari sekarang. Jika pergolakan di kalangan umat Islam di lain-lain negara, terutama di daerah asal agama itu Asia Barat, menampakkan gejala-gejala yang buruk, sekurang-kurangnya harapan itu terus bersinar di negara ini. Kesedaran agama serta usaha-usaha untuk menerapkan ajaran Islam ke dalam seluruh penghidupan negara sudah semakin nyata. Desakan-desakan ke arahnya telah bermula lama sebelum ini. Tetapi usaha sedar melaksanakannya secara beransur-ansur dimulakan dengan tegas awal abad kelima belas Hijrah ini oleh Tun Hussein Onn, dan kemudian diteruskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kesimpulan dari beberapa banyak seminar, forum, polemik dan sebagainya setahun dua kebelakangan ini, tiga bidang besar yang bolah dan harus diterapi dengan ajaran Islam ialah perundangan, pentadbiran dan ekonomi. Bahawa Islam sudah mempunyai asas-asas sistem yang lengkap mengenal ketiga-tiga bidang ini memang tidak lagi diragui. Yang menjadi soal sekarang ialah bagaimana melaksanakannya. Dan seperti biasa dalam sebarang perubahan, terdapat dua golongan yang bertentangan dalam hal ini — golongan pertama inginkan perubahan secara mendadak dan segera, sementara yang satu lagi meyakini perubahan secara evolusi. Walaupun apa pun yang didebatkan oleh kedua golongan ini, Kerajaan, jelas Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir, sebenarnya telah mentadbirkan negara ini berpandukan ajaran Islam, yang menghasilkan kekalnya keamanan, keselamatan dan kemakmuran di sini.

Tetapi jika harapan ini ingin dicapai sepenuhnya, setiap umat Islam harus terlibat dan memainkan peranan masing-masing ke arahnya. Sebagai permulaan yang penting, seperti kata Profesor Dr. Ahmad Ibrahim, setiap rakyat, Islam dan bukan Islam, harus disediakan untuk menerima dan mengamalkannya. Umat Islam harus mempelajari sistem kehidupan Islam itu dengan lebih teliti. Umat bukan Islam perlu diajak menerimanya melalui tindakan-tindakan yang menyenangkan serta bukti-bukti kelengkapan dan kekuatan sistem kehidupan Islam itu. Walaupun beliau sebenarnya bercakap secara khusus mengenai undang-undang Islam, pendapatnya ini adalah benar bagi seluruh bidang kehidupan.

Mengikut anjuran beliau juga, usaha yang tegas haruslah dijalankan sekarang untuk menyatukan tenaga dan fikiran golongan tradisional — yang mempelajari aspek ibadah agama tetapi meninggalkan aspek kehidupannya — dan golongan moden — yang menerima pendidikan barat tetapi kurang mendalami agama. Kepakaran Islam mesti diwujudkan dalam semua bidang kehidupan. Di pihak Kerajaan langkah-langkah ke arah ini telah pun berjalan. Bersesuaian dengan hasratnya untuk meningkatkan penghayatan ajaran Islam di negara ini, kursus khas dakwah telah diberikan kepada calon-calon pegawai PTD di Intan. Sebuah badan penasihat pakar agama dan lain-lain bidang sedang ditubuhkan untuk memastikan rancangan pembangunan tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Kini umat Islam yang lain pulalah yang harus turut memainkan peranan masing-masing. Langkah awal yang sebaik-baiknya ialah menghapuskan perselisihan dan menggantikannya dengan persahabatan dan perpaduan. Cuma kekuatan begini saja yang akan dapat memenangi perjuangan ini.